


SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL II

**HADITH-HADITH HUKUM :
TAHARAH & SOLAT**

OGOS 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

Soalan Pertama

(1) (a) Apakah kunci kepada solat? Nyatakan beserta dalil daripada hadith Nabi SAW atau maksud hadith tersebut.

(b) Apakah yang dikehendaki dengan kebersihan di dalam solat?

(10 markah)

(2) Nyatakan maksud (*qullatain*) dan (*al-khabath*) (5 markah)

(3) Apakah hukum air disisi Mazhab Syafie, sekiranya ia kurang daripada 2 kolah dimasuki najis tetapi tidak berubah sifatnya. Nyatakan beserta dalil hadith Nabi SAW atau maksud hadith tersebut.

(5 markah)

(4) Nyatakan **DUA (2)** pengajaran daripada hadith Nabi SAW yang bermaksud:
“Rasulullah SAW. melarang perempuan mandi dari lebihan yang digunakan lelaki atau lelaki mandi dari lebihan perempuan. Hendaklah mereka berdua mencebok sekali.”

(5 markah)

[25 Markah]

Soalan Kedua

(1) Tuliskan teks hadith atau maksud hadith yang menjadi dalil jilatan anjing perlu dicuci.

(5 markah)

(2) Apakah maksud (*walagha*) dan (*ulahunna*)?

(5 markah)

(3) Berikan **DUA (2)** pengajaran daripada hadith yang menjadi dalil jilatan anjing perlu dicuci.

(5 markah)

(4) Apakah sunnah yang diajar oleh Rasulullah SAW sekiranya lalat masuk ke dalam bekas minuman anda? Nyatakan beserta dalil.

(10 markah)

[25 MARKAH]

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
SIJIL PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL II

**HADITH-HADITH HUKUM :
TAHARAH & SOLAT**

JANUARI 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** soalan sahaja.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SEMUA SOALAN** di **BAHAGIAN A** dan **SATU (1)** soalan sahaja di **BAHAGIAN B** .

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

SILA JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN JAWAB SATU SOALAN SAHAJA DARI BAHAGIAN B

Bahagian A

- Banyak hadith yang menjelaskan tentang perlukan sutrah ketika solat. Apakah maksud sutrah dan berikan pandangan anda tentang kepentingan sutrah untuk solat.
- Hadith-hadith tidak menyatakan tentang perbezaan solat lelaki dan wanita. Jelaskan pendapat anda tentang pendapat yang membezakan solat lelaki dan wanita.
- Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan hadith Ibn Abbas berkenaan anggota sujud. Senaraikan anggota sujud yang 7 dan berikan bacaan dalam sujud seperti riwayat ‘Aun bin Abdullah bin Utbah.

[30 Markah]

Bahagian B

Arahan : Sila Jawab SATU soalan sahaja dari bahagian ini.

Soalan 1 :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «طَهُورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ، أَوْ لَاهُنَ بِالتُّرَابِ». أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ. وَفِي لَفْظٍ لَهُ: «فَلْيُرْفَهُ». وَالتِّرْمِذِيُّ: «أَخْرَاهُنَّ أَوْ أُولَاهُنَّ بِالتُّرَابِ»

- Berikan makna umum hadith di atas.
- Berikan maksud perkataan-perkataan berikut :
التُّرَابِ - فَلْيُرْفَهُ - وَلَعٌ - طَهُورُ
- Perkataan رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ sering ditemui dalam pengajian hadith. Berikan pengertian nya dari sudut bahasa dan maksud penggunaan frasa tersebut.
- Berikan 3 pengajaran dari hadith di atas.

[20 Markah]

Soalan 2 :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلْتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ». وَفِي لَفْظٍ: «لَمْ يَنْجُسْ». أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُرَيْمَةَ. وَابْنُ جَبَانَ وَالْحَاكِمِيُّ.

- Berikan makna umum kepada hadith di atas.
- Berikan maksud perkataan-perkataan berikut :
أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ - الْخَبَثُ - لَمْ يَحْمِلِ - قُلْتَيْنِ

SULIT

- c. Teknologi hari ini boleh mengubah air kumbahan menjadi air terawat yang bersih dan boleh dibuat bersuci. Berikan pendapat anda dengan mengaitkan hadith di atas.
- d. Berikan 3 pengajaran dari hadith di atas.

**[20
Markah]**